UUM/AA49/BH/19.11.2005/p: 10(3)

Pimpinan MPP UUM boleh bertaraf dunia

BH 19/11/05 10:3

SAYA ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kepemimpinan baru Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Utara Malaysia (UUM) 2005/2006 kerana menjadi institusi pengajian tinggi awam pertama diberi pelbagai insentif, termasuk elaun bulanan kepada Presiden dan Setiausaha Agungnya.

Barisan kepemimpinan MPP UUM juga akan menikmati elaun makan di kampus ketika cuti dan pengecualian yuran penginapan sepanjang tempoh perkhidmatan dalam MPP.

Tahniah juga kepada Naib Canselor UUM, Datuk Dr Nordin Kardi atas inisiatif memberi kemudahan kepada kepemimpinan MPP.

Dr Nordin menyatakan pemberian pelbagai insentif itu bertujuan menggalakkan ahli MPP universiti itu muncul sebagai pemimpin pelajar bertaraf dunia.

Saya yakin beliau berjaya dalam memimpin UUM menjadi sebuah universiti pengurusan bertaraf dunia.

WARGA UUM PRIHATIN,
Lembah Sintok, Kedah.